

Remaja baru tamat sekolah menagih dadah

19 Disember 2017

Remaja baru tamat sekolah menagih dadah

GEORGE TOWN - Seorang remaja yang baru tamat sekolah rendah antara 100 individu yang ditahan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang kerana disyaki menagih dadah dalam serbuan berasingan di negeri ini selama tiga hari yang berakhir kelmarin.

Turut dicekup ialah seorang warga emas berusia 72 tahun yang disahkan positif dadah.

Ketua Penguat kuasa dan Keselamatan AADK negeri, Nasruddin Abdul Rahman berkata, pihaknya melakukan serbuan di

beberapa sarang penagihan dadah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Timur Laut dan Barat Daya.

"Kami telah membuat ujian air kencing ke atas 120 orang dan 100 daripada mereka didapati positif dadah dalam saringan awal.

"Pihak kami juga merampas sejumlah dadah iaitu 3.68 gram (g) disyaki morfin dan 1.26g syabu," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, kebanyakan yang ditahan merupakan golongan belia yang beru-



SEBAHAGIAN daripada individu yang diperiksa dalam operasi AADK di seluruh negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

sia antara 19 hingga 40 tahun iaitu seramai 66 orang manakala 18 orang lagi

berumur antara 13 hingga 18 tahun dan bakinya berumur 41 hingga 72 tahun.